

Promosi konsep MADANI ke pentas global demi kemakmuran sejagat

• Malaysia perlu memainkan peranan utama memberikan inisiatif baharu bersifat sejagat demi tercapainya cita-cita 'kemampuan' masyarakat global

• MADANI acuan Malaysia mampu membawa paradigma baharu dalam pelaksanaan dasar luar negara, serta boleh diperkenalkan dan dipromosikan kepada negara lain



Oleh Dr Mohammad Fajar Ikhwan
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan Politik Ekonomi Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Sejak dasar Malaysia MADANI diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pelbagai pihak mula mengulas dan memperjelas maksud serta konsep yang bersesuaian dengan aspirasi negara ini.

Merujuk kepada konsep diperkenalkan, Perdana Menteri menumpukan kepada enam teras utama iaitu Kemampunan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

Jika ditelaah secara lebih komprehensif, enam teras utama MADANI dapat diperjelas dan dilaksanakan dalam dasar luar negara khususnya pembinaan hubungan diplomatik lebih berkesan sama ada secara

bilateral, trilateral atau multilateral dalam organisasi antarabangsa.

Justeru, bagaimana enam teras MADANI ini dapat menjadi penguat terhadap doktrin politik antarabangsa bagi pencapaian kepentingan negara menerusi pelaksanaan dasar luar Malaysia.

Berdasarkan teras pertama iaitu kemampunan, Malaysia perlu terus memperkuatkan kerjasama antarabangsa termasuk dalam forum serantau dan global.

Untuk itu, Malaysia perlu memainkan peranan utama bagi memberikan inisiatif baharu demi tercapainya cita-cita 'kemampunan' ini khususnya dengan menyebarkan kesedaran baharu bagi masyarakat global. Kesedaran bukan hanya penting dalam konteks nasional, tetapi juga dalam konteks antarabangsa.

Prinsip kesejahteraan dalam konsep dasar luar MADANI adalah satu hal penting khasnya bagaimana pembangunan sebelum ini juga akan membawa kepada keberkesanan kepada negara dan masyarakat, sehingga ia memberikan kesejahteraan bersama.

Isu kesejahteraan dalam konsep dasar luar negara sahaja, ia menjadi permasalahan global. Kesejahteraan global mengalami krisis apabila negara membangun cenderung dieksploitasi negara kaya atau industri.

Negara membangun terus bergantung kepada negara kaya dan kelas pekerja di negara membangun juga menerima kadar upah tidak setimpal.

Ertinya, melalui konsep dasar luar MADANI, Malaysia sepatutnya mampu mengambil peranan lebih konstruktif untuk menciptakan keadaan serantau lebih sejahtera dan meningkatkan posisi Malaysia di persada dunia.

Mengikut teras ketiga iaitu daya cipta, ia adalah kunci bagi Malaysia memberikan peluang dalam penciptaan teknologi baharu. Isu utama dalam daya cipta ialah kebanyakan inovasi teknologi dan bukan teknologi dikuasai negara kaya dan mereka memegang lebih 80 peratus Hak Harta Intelektual (IPRs) global.

Politik IPRs membawa pelbagai permasalahan bagi negara membangun dan miskin terutama hak berkaitan dengan mendapatkan akses dan lesen ubat-ubatan.

Untuk itu, melalui konsep daya cipta ini, Malaysia diharap memperluaskan kerjasama bagi men-

cipta teknologi baharu dan membawa pelabur asing masuk ke Malaysia untuk melabur dalam sektor reka cipta khasnya dalam bentuk teknologi digital dan konvensional.

Amil kira norma sejagat

Pada dasarnya, poltik hubungan antarabangsa perlu mengambil kira norma sejagat dan sosial serta identiti yang wujud di setiap negara. Perbezaan perspektif terhadap norma antarabangsa selalunya menjadi ketegangan di antara negara dan sosial kepada isu tertentu seperti hak asasi manusia.

Melalui pendekatan ini, pelaksanaan dasar luar MADANI Malaysia perlu menunjukkan apa sahaja dasar luar diambil adalah hak politik luar negara Malaysia dan perlu dihormati negara lain. Malaysia memiliki identiti tersendiri dalam setiap pelaksanaan dasar luar negara dan ia dijalankan mengikut Perlembagaan.

Bagitu pula negara lain, melalui konsep ini MADANI akan menghormati apa sahaja dasar luar dibuat negara lain selagi ia tidak bertentangan undang-undang antarabangsa. Permasalahan persengketaan wilayah kedaulatan, hak berdaulat di kawasan maritim dan lain-lain isu sering menjadi isu utama dalam politik antarabangsa.

Justeru, Malaysia perlu menggunakan penyelesaian secara diplomatik dan tanpa kekerasan sebagai menghormati standard dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Negara lain juga perlu mencontohi prinsip 'hormat' ini dengan tidak bertindak secara unilateral bagi menyelesaikan persengketaan yang wujud.

Perbincangan dalam konteks hubungan antarabangsa penuh dengan tuntutan tanggungjawab termasuk melawan keganasan, menggalakkan keamanan, memperjuangkan keruahan manusia, menjamin bekalan makanan kepada manusia, kebuluran, menyelamatkan dan melindungi mereka yang terancam, menyelamatkan alam sekitar serta mencegah atau memulihkan ketidakadilan.

Konsep ini sangat penting untuk disusun sebagai matlamat dasar luar negara MADANI Malaysia, khasnya membabitkan peranan negara dalam

usaha mencipta dan menjaga perdamaian serta keadilan global. Hal ini kerap diabaikan negara kuasa besar.

Dalam konteks hubungan antarabangsa, prinsip ihsan disifatkan paling sukar ditemui. Kebanyakan negara hanya menumpukan dasar luar dan kepentingan nasionalnya semata-mata untuk memenuhi keperluan sendiri.

Sikap tidak peduli dan hilang rasa solidariti menjadikan corak politik global cenderung sangat tidak stabil. Pelaksanaan konsep ini dalam dasar luar MADANI negara perlu dilakukan secara bersamaan dengan negara lain.

Laksana dasar luar lebih bertanggungjawab


Bermakna, sudah tiba masa melalui prinsip Malaysia MADANI, negara ini dapat mengajak dan mempengaruhi negara lain melaksanakan dasar luar negara lebih bertanggungjawab dan beradab. Permasalahan kemiskinan dan kebuluran sukar diatasi jika negara dunia tidak memiliki ihsan.

Melalui teras ihsan ini, Malaysia berpeluang membawa nilai konstruktif baharu dalam hubungan antarabangsa terutama untuk mewujudkan rasa kepercayaan, kebersamaan dan keberuntungan bersama negara lain.

Secara keseluruhannya, konsep dasar luar negara MADANI ini adalah idea, nilai dan norma saling berkaitan. Malah, ia mampu membawa paradigma baharu dalam pelaksanaan dasar luar negara, serta boleh diperkenalkan dan dipromosikan kepada negara lain dipelbagai forum antarabangsa.

Jika matlamat dasar luar MADANI ini dicapai, ia bukan sahaja memberikan kesan baik kepada rakyat, bahkan dapat memberikan kesan positif kepada masyarakat global, mewujudkan kesedaran baharu kepada pemimpin dunia untuk bersama-sama mencapai pembangunan dunia yang mampan.

Lebih penting lagi, ia dapat membawa kesejahteraan masyarakat global berlandaskan idea baharu (daya cipta), serta berpegang teguh kepada prinsip saling menghormati, bertanggungjawab dan saling mengambil peduli serta solidariti tinggi demi kepentingan manusia sejagat.



Isu kemiskinan dan kebuluran menuntut prinsip ihsan negara dunia bagi menangani krisis kemanusiaan di negara bergolak. (Foto Ihsan)